

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS
PERHIMPUNAN WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN & AGENSI
BERSAMA YAB PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN
BAGI BULAN JULAI 2025**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : DEWAN UTAMA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN

Date : 24/07/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS
PERHIMPUNAN WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN &
AGENSI BERSAMA YAB PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEWANGAN BAGI BULAN JULAI 2025**

24 JULAI 2025 (KHAMIS) | 8.00 PAGI

DEWAN UTAMA

KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdu lillahil-ladzi anzala ‘ala ‘abdihil-kitaaba,

Wa lam yaj’al lahu ‘iwaja,

Wa usolli wa nussalli ‘ala rasulillah al-karim,

Wa ‘ala alihi waasahbihi ajma’in.

Saudari YB Puan Lim Hui Ying,

Timbalan Menteri Kewangan;

Saudara YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican,

Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan

Rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Alhamdulillah dapat bersama-sama, dan minggu lalu kita telah mengadakan acara yang saya kira memenuhi juga hasrat negara MADANI, iaitu selain menyantuni rakyat juga menyantuni ulama. Ulama seperti yang saudara tahu sama ada dari peringkat antarabangsa, di peringkat yang ada nilai keserjanaan dan juga yang dari pondok-pondok tradisi. Jadi pertama inisiatif dari Kerajaan Negeri Selangor, Menteri Besar, Saudara Amirudin mengumpulkan Ulama dalam hujah dan pendekatan Turath ini seperti mana saya sebut dalam perhimpunan JPM itu legasi, khazanah. Kerana di antara isu yang menimbulkan keresahan umat Islam ialah ada kesedaran Islam tapi tidak ada dipertahan dengan ilmu dan akhlak. Dan ini sebab itu di kalangan umat Islam tu berkecamuk masing-masing jadi pakar masing-masing menghukum, masing-masing kadang-kadang dengan pakaian yang nampak kearaban tetapi caci maki dan atas nama Islam dan cepat menghukum itu menjadi lumrah.
2. Jadi beberapa alim zaman semasa, saya ingat dalam Maahad al-fiqh, International Institute Islamic Thought di antara pembukanya, Sheikh Dr Taha Jabir Alwani yang minta supaya umat Islam itu menggali semula yang disebut turath, legasi. Legasi maknanya takkanlah 1400 tahun daripada Zaman Quran Sunnah di bawah pimpinan Rasulullah SAW tidak ada tahap keserjanaan dan ilmu yang hulung yang harus kita sekurang-kurangnya jadikan panduan, cuba menghadam dan mengulas mengikut kepentingan semasa.

3. Kalau saya pernah singgung dulu, kalau di barat ada yang dikatakan 'Great Works Series' yang pernah di edit oleh Mortimer J. Adler dari Universiti Chicago. Dia yang edit, the great works of the may two of the western World dari great great philosophy pada literature- nya kepada filosofi kepada sains, teknologinya, kejuruteraannya dan inovasi lainnya. Tetapi dalam Islam tidak ada usaha yang sedemikian. Ada usaha di Pakistan dahulu yang diselaraskan oleh beberapa sarjana. Itu maknanya 'Great Works in Islam'. Kalau dalam peradaban China, itu dikenali beberapa karya-karya besar yang dianggap Turath, legasi. Sama ada daripada Konfusius, Mengzi, Lao Tzu dan juga yang baru-baru, Lu Xun dan sebagainya.
4. India pun begitu, jadi dalam Islam ini cuba dikembangkan balik. Itu yang disebutkan Turath, makna menggali khazanah. Sebab itu sekarang ini umpamanya diperkenalkan tentang maksud maqasid syariah. Syariah itu bukan sahaja tempat untuk menghukum salah – betul -haram – halal, tetapi juga tentang apa dia maksud syariah, matlamat dia, the higher objective of the Islamic law.
5. Jadi tujuan yang dikatakan Turath itu gali. Ambil beberapa kitab yang penting, yang relevan baik dalam bidang Fiqah, bagi Usuluddin, bagi pihak falsafah, penafsiran al Quran dan hadis. Jadi bila ada tahap keilmuan begitu, saudara lihat umpamanya lebih tinggi ilmunya, lebih bijaksana pendekatannya. Lebih hikmah, lebih sukar dia menghukum dan menolak apa-apa inisiatif orang lain. Jadi dia gunakan sama ada dalam pertimbangan politik, kenegaraan, tatakelola, ekonomi, itu dengan penuh kebijaksanaan. Dengar hadam dan tidak gunakan sentimen, sama ada kelompok, kabilah, kaum atau kepartian.

6. Alhamdulillah dapat sambutan sangat baik dan di kesempatan itu saya jumpa beberapa ulama dari Lubnan, Syria, Mesir dan juga tentunya dari pondok-pondok di Malaysia. Sebahagian saya undang bila kita adakan majlis penghayatan dan maqasid syariah yang disampaikan oleh Mufti Wilayah yang baru dan saya fikir di kalangan kita juga harus mendekati majlis-majlis seperti ini. Kalau tidak kita hanya akan jadi terperangkap dengan beberapa tokoh-tokoh yang kita rasa sudah pakar. Tapi bila kita dengar pakar yang sebenarnya, pendekatannya lain. Sebab itu selalu saya suka kadang-kadang menukil ulasan ulama-ulama besar, Sheikh Yusuf al Qaradawi, Ahli Jum'ah dari Mesir, Sheikh Dr Taha Jabir Alwani yang berasal dari Iraq. Itu kerana dengan mendalamnya ilmu mereka ada kebijaksanaan yang lebih. Maknanya sebelum menghukum.

7. Saya masih ingat semasa saya Menteri Kewangan dulu, masa itu menteri dan KSP masih kecil lagi, di Jalan duta saya undang bersama dengan Suruhanjaya Sekuriti, Sheikh Yusuf al Qaradawi, kerana dia dianggap seorang ulama, ilmuan yang punya kepakaran dan pandangannya itu akan mempengaruhi keputusan kita. Masa itu 'Futures Trading' benda baru, jadi saya kata Sheikh, "untuk Security Commission hendak minta pandangan tentang futures market trading. Bagaimana tentang pandangan Islam?" Tahu dia kata apa? Saya ada pengalaman yang sedikit dalam bidang ini. Biar saya dekati dengan pakar-pakar yang ada seperti di Security Commission, di Bank Negara, di Bursa, di kementerian kewangan, saya hendak dengar dulu. dan saya nak hujah dengan mereka, itu seorang alim, beda dengan kita. Tanya je, tajuk dia tahu, dia tak tahu, dia jawab terus. Sheikh Yusof al-Qaradawi ambil masa satu hari itu dia tidak mahu buat kerja lain, dia dekati. Jadi saya rasa terpegun, dia sudah pun ikuti futures market ini dari pandangan beberapa kepakaran

dunia Arab termasuk di Doha, tetapi dia pilih untuk mendengar. Dianggap di antara ulama terkemuka dunia. Jadi saya lihat umpamanya tentang kebijaksanaannya.

8. Saya pergi ke beberapa majlis dan tengok pendekatan dia begitu lebih sehalu, tegas. Kalau soal perjuangan rakyat Palestin, keras! Tak tahu langsung. Dalam perjuangan umpamanya penolakan daripada apa-apa yang dia anggap kebejatan, kebobrokan dalam sistem itu keras, tetapi untuk menghukum terutama hal-hal ini dia sangat teliti. Saya tanya dia tentang tanggungjawab saya di Kementerian Kewangan. Masalah arak, masalah judi, itu dia jawab dengan sangat teliti. Kerana dia kata negara yang pelbagai kaum, sebelum menghukum Anwar, dia kata teliti dulu. Ada keupayaan, ada dukungan, ada jaminan keselamatan, ada jaminan untuk pertahankan sistem, itu semua harus ada pertimbangan sebelum membuat beberapa keputusan.
9. Sebab itu yang saya katakan rujukan kepada authoritative sources itu sangat penting. Sekarang bukan saya nak politikkan, tapi saya tengok umpamanya apa sahaja langkah terutama kadang-kadang Islam atau pertubuhan Islam, parti Islam itu, sanggahan itu sangat tidak langsung pertimbangkan akhlak dan adab. Ini membimbangkan, bukan soal umpamanya pertikaian politik kerana politik itu tunggu pilihan raya lebih 2 tahun lagi. Jadi sebab turun Anwar itu tidak bagi kesan, jadi jangan bimbang. Tetapi yang saya lebih kkuatiri ialah sikap begini, sebab itu kita harus beri dukungan macam saya kata, Turath dan ambil ulama-ulama. Apa yang saya pesan kepada orang-orang pondok, pertama dengar pandangan mereka, dengar nasihat

mereka tentang MADANI, tentang negara MADANI, saya dengar teguran, cadangan baik tapi kemudian saya usulkan.

10. Saya katakan, menukil pandangan Muhammad Natsir bahawa tatkala negara-negara Islam dijajah, ditawan pimpinan mereka, disucikan otak mereka ikut acuan mereka yang kagum, taksub, obses dengan semuanya Barat. Bahasa mesti Inggeris, di Indonesia mesti Belanda. Sistem politik mesti ala Westminster atau ala Belanda. Sistem ekonomi mesti Barat. Sistem pendidikan acuan mereka. Jadi, ini maknanya seluruh benteng pertahanan negara itu tewas atau kalah, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, budaya. Sampai budaya pun hilang. Jadi, pondok masa itu di Malaysia, pesantren di Indonesia itu satu-satunya benteng yang pertahankan, dengan segala kelemahannya, itu satu-satunya benteng pertahanan akidah dan mental umat tatkala keseluruhan sistem itu dirobuhkan. Dan orang rasa terpegun, kagum dengan sang penguasa baru, penjajah kerana kehebatan mereka, kuasa mereka, teknologi mereka, ekonomi mereka.
11. Tapi saya beritahu kepada guru-guru pondok ini keadaan sudah berubah. Negara sudah merdeka dan berdaulat. Pondok dari segi ini masih relevan, tapi beberapa penyesuaian dibuat. TPM Dato' Seri Zahid, umpamanya, mengusulkan dan kita beri dukungan kuat supaya kita perkenalkan TVET di sekolah-sekolah Maahad Tahfiz dan sekolah-sekolah agama, supaya anak itu jadi huffaz, hafal Qur'an, tetapi dia boleh ada ruang. Sekarang, sekitar 12,000 sudah ke TVET. Jadi menggalakkan guru-guru pondok ini terima kenyataan. Kita tak ubah sistem kurikulum dia, tapi dia mesti terima keadaan dan tuntutan zaman.

12. Kedua, saya kata sekarang cakap pasal digital, soal Ai. Apa hubungan dengan masyarakat ini yang ratusan ribu di pondok? Maka kita harus beri pendedahan dan saya minta guru pondok juga terima kenyataan. Ini bermakna, Kementerian Kewangan, Perbendaharaan harus juga mengkaji bagaimana boleh kita serap hal-hal ini, pertahankan yang tradisional, tetapi dialun, digabung dengan pendekatan teknologi baru supaya anak-anak ini juga terdidik kalau tidak, dianggap satu kelompongan, the queue. Kerana sementara dia ada bidang ilmu yang juga penting bagi umat, tapi tidak boleh mengisi keperluan dan tuntutan semasa. Jadi kedua-duanya kita perlukan jadi kita perlukan kerjasama mereka.
13. Alhamdulillah, lihat ada kesedaran. Jadi KSP kena tengok supaya kita berikan sedikit pertimbangan tentang sekolah pondok dan di antara tugas KSP yang baru ialah melawat sekolah-sekolah pondok. Dah dia dah buat dah.
14. Semalam saya umumkan beberapa langkah tambahan. Tak apalah singgung dunia politik itu tidak apa lah ya, kata RM100 je, ye lah kamu bergaji RM20,000 sebulan, RM40,000 sebulan — RM100 tak ada apa-apa. Tapi saya tahu, kalau kita pergi ke kampung ada. Dan ini tambahan seolah-olahnya dia bagi, kalau dengar beberapa Ahli Parlimen pembangkang di Parlimen itu, “RM100 je, RM100 je...” Ni dia tak baca ke? Bila saya sebut “rabun mata” dia marah. Bahawa ini tambahan, daripada RM13 bilion ringgit jadi RM15 bilion ringgit untuk tahun ini untuk STR dan i-SARA. Kemudian macam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) daripada 10% tahun ini, 18% tahun depan.

15. Jadi ini semua tambahan daripada yang telah dilaksanakan. Begitu juga penurunan harga minyak. Itu mesti saya buat, walaupun masa kita bicara soal turun harga minyak, saya sudah beritahu ada rasionalnya semasa Minyak di Arab Saudi RM0.50 sekarang minyak Arab Saudi sudah RM1.99 atau RM2.00. Jadi walau bagaimanapun, kita turun jugak dan kita katakan untuk orang asing kena ikut harga pasaran, itu yang kita akan tetapkan kemudian.

16. Ada juga Ketua Parti Pembangkang sebut “pasal apa nak bebankan mereka?” Saya rasa aneh, “what did you do?” Ada negara umpamanya ketua pembangkang nak kata tak cerdik, tak tahu tapi begitulah keadaan dia. I mean, boleh tegur dan kritik, saya tak ada masalah. Tapi bagaimana ada di Malaysia, ada orang kata tak boleh. Bukan kita pergi dera mereka, bukan kita rampas hak dia. Ini subsidi bukan maknanya cukai tambahan minyak mereka. Tidak. Ini maknanya subsidi yang kita bagi RM0.50 setiap satu liter itu kita tarik tak bagi subsidi kerana di negara dia harga lebih tinggi daripada RM2.50. Di Singapura, di Thailand, Indonesia, semua lebih tinggi. Jadi kita tarik subsidi itu kepada orang asing. Itu pun salah juga. Yang saya sebut ini hendak suruh saudara-suadara tolong jawab. Itu, sahaja.

17. Jadi kalau kita polemik RM100 — apa dia RM100? Itu RM100 jadi RM15 bilion. Kalau keluarga tu katalah miskin, ada dua anak 18 tahun ke atas, suami isteri dah RM400. Tambahan daripada STR yang sekarang dan i-SARA sekarang. Kalau dia sudah ada 300 sekarang ini, dia campur lagi 400 — dah jadi 700. Tak kecil. Tapi kalau dia seorang, sebatang kara, orang panggil bujang Kelana. Selain daripada i-SARA, selain daripada STR. Tapi saya tak ada masalah itu

tapi jangan remehkan. Jangan remehkan, ya. “Oh RM100 sahaja, RM100 nak beli apa?” Jangan. Jangan.

18. Kerana itu upaya kita tambah daripada peruntukan yang sedia ada dan di Kementerian Kewangan, tengok pertambahan-pertambahan ini, yang ini tambah RM2 bilion. Minyak, tambah lagi RM1 bilion. Jadi kita kena kira pendapatan dari mana? Okey, dari orang asing, dia bayar. Kemudian sebut tarif elektrik, naik Anwar, cukai. Tarif dulu naik. Tarif, tetapi kadar elektrik turun. Kita tengok umpamanya saya minta nanti Perbendaharaan bagi untuk bil bulan ini dan ketimbang bulan lalu. Kerana kalau ikut, mesti turun bagi 85% rakyat tapi sebab tu saya kata, kadang-kadang komunikasi kita, penjelasan dan penerangan kita harus lebih berkesan.
19. Kalau tengok RON95, RM1.99 ini dan beberapa langkah lain, umpamanya, apa lagi untuk M40. Haa tol. Kalau B40, kebanyakannya motor sahaja, pakai motosikal, minyaknya kecil. M40 kebanyakan motokar dalam minyak tu lebih tinggi. Jadi kalau orang M40 kata “Sekarang ini kita hanya ketimbangkan B40 sahaja.” Biasalah, kita mula bukan B40, lebih rendah lagi. Kita mula dengan kemiskinan tegar, sebab itu naik B40, sekarang naik M40. Jadi begitu keadaan dia. Jadi itu yang saya kata, kena sabar sikit dalam pelaksanaan tapi sekurang-kurangnya alhamdulillah, untuk M40 ini, baik RON95 dan tol itu memberi manfaat kepada M40, M40 dan ke atas.
20. Selain daripada itu, sebentar lagi saya akan melancarkan **Sejahtera Madani. Selain daripada Sejati Madani**, Kampung Angkat

Madani, ini pertama kalinya. Dulu ada kadang-kadang sekali-sekali macam perumahan rakyat, pernah saya panggil beberapa syarikat-syarikat besar, bank, beri dana mudah kepada rakyat yang nak bangunkan rumah kos rendah pada ketika itu. Tapi saya belum, maknanya kesan satu langkah di mana kita betul-betul libatkan sektor swasta dan berikan banyak untuk Gaza — hampir RM100 juta, dari swasta.

21. Untuk Kampung Angkat MADANI yang melibatkan juga RM70, RM80 juta. Ini untuk Sejahtera MADANI sekarang ini cecah RM80 juta ringgit yang kita kumpul daripada syarikat-syarikat besar. Kemudian Kampung Angkat MADANI semua bank, semua GLIC semua, kita minta dia ambil 10, 20 sekolah-sekolah angkat. Itu 1000 sekolah. Ini semua kita tak boleh ukur dari quantum kewangan. Kerana ini melibatkan saya kata Negara MADANI ini di mana sektor swasta. Bagaimana sektor swasta itu boleh mudah sekarang ini ratusan juta ringgitlah boleh salur? Kerana saya hentikan amalan komisen ini. Bila kita tak ambil komisen buat projek, bagi Perdana Menteri RM60 juta atau bagi ke parti Perdana Menteri, RM50 juta seperti amalan sebelum ini.
22. Jadi kita boleh bagi, kita minta untuk Gaza tolong bagi, untuk sekolah angkat tolong bagi. Tapi sekolah angkat itu kita tak minta dana, kita minta mereka belanja terus ke sekolah. 1000 sekolah, ini bagi saya, penglibatan penjawat awam, pimpinan politik dan sekarang korporat dan sektor swasta secara yang lebih berkesan turun padang.

23. Sebab itu kita minta, umpamanya bayangkan sebahagian dari kita. Jadi bukan salah kitalah, bukan salah ibu mengandung, memang lahir di Jalan Dungun atau di Bukit Kenny. Tak tahulah siapa ada di sini lahir di sana, adalah 1, 2 orang (nada berseloroh). Tetapi dia tidak ada pendedahan. Jadi kita berikan ruang baik, pilih satu Kampung Angkat. Duduk di situ, dengar mereka, kadang masalahnya lain. Saya lahir di Sungai Bakap jadi dibesar di Ceruk Tok Kun, sebahagiannyalah, sebahagiannya di Hospital Kuarters Bukit Mertajam.
24. Jadi saya balik Cerok Tok Kun, ada masalah masjid, parit, jalan, masalah dadah, masalah orang tak ada pekerjaan, masalah anak miskin, masalah ibu tunggal. Jadi kita tengok di situ, dia tidak ikut jabatan mana. Kita dengar, perancangnya umpamanya, dia lihat masalah rakyat keseluruhannya dan dia didekati dan dia cuba selesaikan. Mudah-mudahan langkah-langkah ini kita teruskan. Dan isu ada setuju, tak setuju, soal lain, tapi beri maklumat kepada sang pengkritik itu, melihat kepada keseluruhan yang kita lakukan, bahawa apa-apa langkah-langkah tambahan.
25. Saya sebut umpamanya langkah tambahan, yang semalam itu langkah tambahan. Kemudian itu pun pelaksanaannya memuliakan Hari Merdeka dan cuti Hari Malaysia. Sebelum itu, 31 Julai pengumuman Rancangan Malaysia ke-13. Kemudian langkah-langkah baru tambahan Belanjawan 2026. Jadi ini kita kena lihat peringkat. Dia tidak ada umpamanya satu pengumuman yang boleh menyelesaikan semua masalah. Belanjawan 2026 pun tidak mungkin menyelesaikan semua masalah negara kita. Jadi kita kena cuba. Apa

dia pengumuman penting Belanjawan 2026? Belum lagi kita mesyuarat petang ini.

26. Jadi, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan kerana saya tahu kejayaan kita ini tidak mungkin dicapai tanpa penglibatan semua termasuk penjawat awam. Kita lihat umpamanya rekod LHDN, kita lihat rekod kastam, rekod badan-badan penguatkuasaan keseluruhannya itu semua, alhamdulillah, membanggakan. Dan kita harus terus teliti, pastikan jangan ada kelemahan-kelemahan, kebocoran, ketirisan, ini bagi saya lebih besar. Kalau orang tanya saya, masih tekankan yang paling penting, paling besar ialah tatakelola. Ya, kita kena hentikan amalan boros, sakau yang menjadi budaya kita.

27. Sebab tu kalau saudara-saudara lihat umpamanya di kalangan pembangkang, tak banyak bicara soal rasuah, heran, kalau saya dulu masa pembangkang, rasuah itu nombor satu. Sekarang rasuah? ...ehmmm. Maka apabila kita ambil tindakan pun, “mana boleh!, kesian! dia sudah tua dah ataupun dah tak ada dah.” Kita bukan nak hukum orang mati, kita nak ambil balik duit yang dia ambil itu yang tidak secara tidak sah. Tetapi kita boleh senang je. Tak ada apa-apa, tak ada kesan, bermakna guna ruang Parlimen Pembangkang itu mempertahankan orang yang memunggang kekayaan berbilion-bilion. Niaga apa? tak tahu, tapi berapa kekayaan? RM4 bilion? Niaga apa? Tak tahu, dia beli saham agaknya. Berapa? bila dia meninggal, berapa dana dia? RM2 bilion. So, this is totally unexpectable.

28. Kita marah umpamanya, saya bagi pesanan khas 2 hari yang lalu kepada semua Perdana Menteri dan Presiden termasuk Presiden Donald Trump. Merayu, selesaikanlah. Anak-anak itu mati tiap hari.

Saya dapat maklumat terakhir yang betul-betul terkesan, saya kata, “no, I have to issue a statement.” Appeal to all Prime Minister and President, you know why? Ada satu kelompok, 15,000 keluarga, 15,000 penduduk. 2 hari tak ada makan, tak ada minum. Orang tua-tua yang dewasa boleh bertahan lagi, lemah, letih je. Bayi semua mati, masuk hari ke-2 bayi anak-anak Palestin di Gaza, mati.

29. Itu sebab saya kata soal nilai. Jadi sebab tu soal nilai, adab ini, sebab perasaan kemanusiaan. Benci dengan kezaliman, benci dengan orang yang menyalahguna kuasa mereka, dan apa lagi, sepertimana Zionis Israel bunuh sewenang-sewang. Dan kita kena pelajari begitu semua. Saudara ingat saya boleh bercakap hal itu dengan tegas, dengan berani dan menyeru sampai ke Donald Trump, kalau saya tak yakin dengan kekuatan negara kita, kerana politik kita stabil. Kerana ekonomi kita kukuh, kita boleh bercakap. Kalau negeri kita separuh bankrap, tak berani kita cakap. Kalau kita pecah belah, asyik perang terus di kalangan kaum dan parti, musuh. Tak boleh. Kerana saya tidak mewakili sentimen rakyat.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Copyright of the Prime Minister’s Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/07/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-perhimpunan-warga-kementerian-kewangan-agensi-bersama-yab-perdana-menteri-dan-menteri-kewangan-bagi-bulan-julai-2025/>